



YAYASAN KUOK BERHAD

BIASISWA UNTUK DIPLOMA 2024 POLITEKNIK AWAM MALAYSIA

YAYASAN KUOK BERHAD mempelawa permohonan daripada pelajar di Politeknik Awam Malaysia untuk bantuan kewangan tersebut di atas.

Biasiswa yang bernilai sehingga RM9,000 setahun akan ditawarkan kepada calon yang berjaya.

Syarat-syarat

- (1) Pemohon mestilah warganegara Malaysia.
- (2) Pemohon mestilah mempunyai -

sekurang-kurangnya **4 kepujian dalam SPM** bagi mana-mana mata pelajaran seperti berikut :

Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains atau satu mata pelajaran yang berkaitan dengan kursus yang dipohon / diikuti

ATAU

gred purata sekurang-kurangnya 3.0 dan ke atas dalam keputusan terbaru di politeknik.
- (3) Bantuan Kewangan Yayasan Kuok hanya untuk pelajar **miskin** sahaja.
- (4) Pemohon mestilah tidak memegang apa-apa biasiswa daripada organisasi lain seperti biasiswa JPA, dsb.

BAGAIMANA MEMOHON?

Pemohon **PERLU** mengikuti Langkah 1 dan 2 seperti di bawah :



Langkah 1

Penyerahan Borang Permohonan Dalam Talian

Memohon dan menghantar permohonan dalam talian di apply.kuokfoundation.org

Tarikh Buka : **5 Februari 2024**

Tarikh Tutup : **26 Februari 2024**



Langkah 2

Penyerahan Borang Permohonan Bercetak

Selepas pemohon menghantar permohonan melalui dalam talian, pemohon **JUGA PERLU mencetak borang permohonan** yang lengkap dan menghantar bersama dengan dokumen sokongan melalui kurier atau serahan tangan ke pejabat Yayasan.

Tarikh Tutup : **4 Mac 2024**



Borang yang tidak lengkap atau lambat tidak akan dipertimbangkan.